

## KHUTBAH JUMAAT

### “MENJAGA DAN MERAWAT HATI” (19 Ogos 2022M/ 21 Muharram 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Menjaga dan Merawat Hati**”.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setiap anggota tubuh badan manusia ini diciptakan dengan fungsinya masing-masing. Apabila ada yang rosak, maka kerja dan fungsinya turut akan terganggu atau tidak berfungsi sama sekali. Begitulah juga dengan anggota batin manusia yang disebut sebagai hati. Apabila hati itu telah dijangkiti penyakit, maka akan jauhlah orang itu dari Allah *subhanahu wata'ala* kerana hati tersebut tidak dapat menjalankan fungsi kerjanya dengan baik. Dia tidak mampu

melaksanakan ibadah kepada Allah *subhanahu wata'ala* bahkan semakin jauh daripada usaha untuk mengenali Allah *subhanahu wata'ala*. Berkaitan dengan hal ini, Allah *subhanahu wata'ala* telah mengingatkan kita dengan firman-Nya dalam surah Yunus, ayat 57:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى  
وَرَحْمَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

**Maksudnya:** *Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Penyakit hati merupakan penyakit yang sangat bahaya. Penghidapnya tidak merasakannya. Kalaupun dia merasakannya, namun sangat sukar baginya untuk bersabar dalam mengubatnya, kerana ubat bagi penyakit hati adalah bertentangan dengan kehendak nafsu. Sayyidina Nu'man bin Basyir *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا  
فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ ))

**Maksudnya:** *Ketahuiilah bahawa di dalam tubuh itu ada segumpal daging, jika daging tersebut baik, maka baiklah seluruh tubuh itu, dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuh itu. Ketahuiilah, bahawa segumpal daging itu adalah jantung (hati).*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Jelaslah, bahawa hati merupakan raja bagi seluruh anggota tubuh badan kita, hati memainkan peranan penting sebagai penggerak atau peneraju sesuatu amalan, dari segi jasmani mahu pun rohani. Jika seseorang itu memiliki hati yang bersih maka setiap amalan yang dikerjakannya akan menjadi sempurna dan terbaik, tetapi jika hatinya rosak, maka seluruh anggotanya akan ikut rosak sama ada dari segi ibadahnya kepada Allah *subhanahu wata'ala* akan terabai, mahupun dari segi akhlaknya iaitu tutur kata dan tingkah lakunya yang buruk. Akhirnya, akan jauhlah dia daripada rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Keadaan hati manusia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, antaranya:

**Pertama** : Hati yang hidup.

Hati yang hidup ialah hati yang selamat dari pelbagai penyakit dan kerosakan hati. Hati yang hidup akan penuh dengan rasa cinta kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Pada masa yang sama, turut subur dalam hatinya perasaan takut akan hal-hal yang boleh menjauhkan dirinya dari Allah *subhanahu wata'ala*. Inilah hati yang

khusyuk, yang hidup dan sentiasa sedar akan tujuan dirinya berada di bumi Allah ini.

**Kedua** : Hati yang mati.

Hati jenis ini ialah hati yang tidak ada kehidupan di dalamnya. Ia tidak mengenal Tuhannya, tidak mahu beribadah menyembah-Nya. Ia hidup mengikut tuntutan hawa nafsu dan kesenangan di dunia semata-mata, walaupun apa yang dilakukannya itu mengundang kemurkaan Allah. Ia tidak menghiraukan nasihat yang diberikan. Ia hanya mengikut seruan syaitan dan pujuk rayunya sahaja.

**Ketiga** : Hati yang sakit.

Hati ini banyak menyimpan tenaga untuk kehidupan duniawi semata-mata tetapi telah bersarang penyakit di dalamnya. Kadang-kadang ia boleh mengingati Allah kerana sebab-sebab untuk kehidupan duniawi, tetapi ia lebih dekat kepada kebinasaan dan keingkaran kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Imam al-Ghazali *rahimahullah* menyenaraikan sepuluh penyakit hati iaitu gemar memperbanyakkan makan, gemar memperbanyakkan bicara, marah, hasad dengki, bakhil dan cinta kepada harta, suka kepada kemegahan dan pujian, cintakan dunia, sombong, ujub dan riya'.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setelah kita mengetahui keadaan dan kategori hati kita, maka segeralah cari penawar atau ubat yang boleh mengembalikan kesihatan dan kesucian hati kita itu kerana setiap penyakit itu ada penawarnya, begitu juga hati yang sakit ada penawarnya. Antaranya ialah:

**Pertama** : Zikrullah yaitu mengingat Allah, khususnya tidak meninggalkan solat fardhu dan segala ilmu fardhu ain. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ahzab, ayat 41 dan 42:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اذْكُرُوْا اللّٰهَ ذِكْرًا كَثِيْرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوْهُ بُكْرَةً وَّاَصِيْلًا ﴿٤٢﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.*

**Kedua** : Keraplah berdamping dengan al-Quran yaitu membaca, mempelajari, mentadabbur serta memahami ayat-ayat al-Quran. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Anfal, ayat 2:

اِنَّمَا الْمُؤْمِنُوْنَ الَّذِيْنَ اِذَا ذُكِرَ اللّٰهُ وَجِلَتْ قُلُوْبُهُمْ وَاِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايٰتُهُ زَادَتْهُمْ اِيْمٰنًا وَعَلٰى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُوْنَ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.*

**Ketiga** : Banyakkan mengingat mati dengan banyak bersyukur dan sentiasa bertaubat atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-A'raf,

ayat 34 :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

**Maksudnya:** Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudikan walau sesaatpun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatannya sebagai pedoman kita. Antaranya:

**Pertama** : Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga hati daripada segala penyakit hati yang boleh menyebabkan kita jauh daripada Allah *subhanahu wata'ala* dan meninggalkan tanggungjawab ibadah kepada-Nya.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah sentiasa menghidupkan hati kita dengan sentiasa mengingati Allah *subhanahu wata'ala* dengan cara memperbanyakkan berzikir, membaca dan mentadabbur al-Quran dan hadis-hadis Nabi *sallallahu alaihi wasallam* serta bersyukur di atas segala nikmat yang Allah *subhanahu wata'ala* anugerahkan kepada kita.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah mengingati kematian supaya menjadi pendorong kepada kita untuk menjadi seorang hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang soleh dan baik untuk agama, keluarga dan masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 8-10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

تُخَدِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا تُخَدِعُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

**Maksudnya:** Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Perlu diingatkan bahawa kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Walaupun pelbagai kelonggaran telah diberikan, mimbar terus menyeru agar kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
 عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
 الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang

berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرَضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا  
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ  
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،  
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقْنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.